

# Gesaan CUEPACS disifatkan tak bertanggungjawab

Cadangan berpiket akan menyebabkan pentadbiran negara terjejas

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gesaan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya kerajaan menaikkan gaji penjawat awam sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) atau mereka akan berpiket disifatkan tidak bertanggungjawab.

Pakar perundangan, Datuk + Salehuddin Saidin, berkata cadangan untuk melakukan protes dengan berpiket di Putrajaya akan menyebabkan pentadbiran

CUEPACS piket jika kerajaan tak naikkan gaji penjawat awam sebelum PRU-15

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan berpiket di Putrajaya sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) jika kerajaan tidak menaikkan gaji penjawat awam sebelum PRU-15.

*Keratan akhbar BH, semalam.*

negara terjejas.

Beliau yang juga bekas Timbalan Pendakwa Raya, berkata, ekonomi negara terjejas selama dua tahun akibat pandemik, malah, ketika ini, bukan saja Malaysia malah seluruh dunia turut berdepan masalah inflasi.

“Kalau kita naikkan gaji penjawat awam, bagaimana dengan nasib rakyat yang lain?”

**Gesa naik gaji**

“Ketika pandemik, kebanyakan penjawat awam tidak kehilangan pekerjaan, malah, gaji tetap dibayar, sedangkan rakyat yang lain hilang pekerjaan dan hidup su-

sah,” katanya kepada *BH* semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka hadapan *BH*, mengenai gesaan CUEPACS supaya kerajaan menaikkan gaji penjawat awam sebelum Parlimen dibubarkan atau berisiko berdepan piket daripada penjawat awam.

Sementara itu, Salehuddin, berkata sekiranya permintaan itu dipenuhi, kerajaan terpaksa berbelanja hampir berbilion ringgit.

Ini kerana, katanya, kenaikan gaji itu akan turut membabitkan pesara penjawat awam.

“Apabila ekonomi sudah pulih dan keadaan kembali kepada asal, maka, bolehlah dituntut. Kita tidak boleh mendesak kerajaan dengan cara sebegini, ia memberi gambaran seolah-oleh kita tidak prihatin dengan masalah negara.

“Sepatutnya CUEPACS mengadakan rundingan dan mungkin kerajaan boleh memberikan alternatif, seperti menanggungkan dahulu dengan melihat kepada keadaan ekonomi negara,” katanya.